

Adat Dipakai Baru Kain Dipakai Lusuh

Oleh ABDUL GHANI SHAHMARUDDIN

PADA 4 Februari 1983, genaplah tiga tahun Datuk Haji Musa bin Wahab PJK menjunjung kebesaran Mendika Menteri Akhirulzaman sebagai Undang Luak Jelebu yang ke-15. Bagi memperingati peristiwa tersebut satu Istiadat Menghadap telah diadakan di pekarangan Balai Undang Luak Jelebu di Kuala Kelawang, Negeri Sembilan.

Persiapan untuk istiadat tersebut bermula pada petang 3 Februari 1983 dengan pemasangan alat-alat kebesaran di balai-balai yang berkenaan iaitu:

Balai Penghadapan: Tempat bersemayamnya Undang Luak Jelebu semasa Istiadat Menghadap dijalankan;

Balai Menghadap: Tempat duduk Datuk Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Jelebu berserta dengan Lembaga (Adat) Nan Tiga dan lain-lain Lembaga serta Buapak-Buapak dan Seka (wakil kaum ibu) mereka.

Balai Seorang: Tempat duduk Datuk Ombi Pangkal Maharaja Lela berserta Kepala-Kepala Waris Nan Tiga (Waris Berundang) dengan Buapak-Buapak dan Seka mereka.

Istiadat Menghadap bermula pada pukul 10 pagi 4 Februari 1983 apabila Laksamana, Ketua Juak-Juak (pengawal peribadi Undang Luak Jelebu) mengorak sila bagi mempersilakan Kebawah Kaus Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelebu ke Balai Penghadapan bagi memulakan istiadat.

Di Balai Penghadapan Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelebu duduk bersila di atas "tilam pandak", beralaskan "tikar pandak" yang terletak di atas pentas penghadapan beranak tangga lima yang disaluti dengan kain kuning. Di belakangnya terletak "bantak besar" bernama

"Gunung Berangkat" berhiaskan "silang gunting" dan "sawa menyelampai". Sementara di atas kepalanya tergantung langit kuning berhiaskan tiga sederet "sempeh" di kiri dan di kanan dengan tiga sederet "lebah bergayut" di tengah-tengahnya.

Tiga sempeh di kiri melambangkan Waris Nan Tiga dan tiga sempeh di kanan melambangkan Lembaga (Adat) Nan Tiga sementara tiga lebah bergayut di tengah-tengah melambangkan kekuasaan Adat Luak Jelebu dipegang bersama oleh Undang Luak Jelebu, Datuk Menteri dan Datuk Ombi.

Sepanjang istiadat menghadap dijalankan, 10 orang Juak-Juak memegang senjata kebesaran masing-masing, berdiri lima di kiri dan lima di kanan pentas penghadapan bagi mengawal dan menjaga ketertiban istiadat yang sedang berjalan.

Istiadat menghadap dimulakan oleh Datuk Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Jelebu bersama dengan Seka dan Buapak-Buapaknya (Penyertaan Seka dan Buapak bersama adalah untuk meringkas istiadat dan bagi menjimatkan masa). Datuk Menteri (Lembaga) menaiki tangga-tangga pentas penghadapan sementara yang lain duduk bersila menunggu di bawah dengan mengangkat sembah bersama-sama dengan Datuk Lembaga yang menaiki tangga pentas penghadapan itu.

Setelah selesai menghadap Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelebu, kumpulan yang berkenaan membuat kunjungan ke Balai Undang Luak Jelebu pula untuk menghadap Tuk Puan (Isteri Undang Luak Jelebu).

Susunan menghadap pada hari tersebut adalah seperti berikut:

- Datuk Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Jelebu — Tali

Adat

- Datuk Mengiang Merah Bangsa, Lembaga Suku Mungkal I — Dahan Tambo Adat
- Datuk Cincang Maharaja Lela, Lembaga Suku Tanah Datar
- Datuk Senara Angsa, Lembaga Suku Batu Belang
- Datuk Amar Penghulu, Lembaga Suku Biduanda Hulu Kelawang, dahulunya termasuk dalam lingkungan Luak Sungai Ujong, seorang daripada "tiang balai" Datuk Kelana Putera
- Datuk Lela Wangsa Seri Dewangsa, Lembaga Suku Tiga Batu, "bekas air kaki" Yamtuan Hulu Kelawang.
- Datuk Muda Kenaboi, Ketua Orang Kenaboi
- Datuk Ombi Pangkal Maharaja Lela — Tali Pusaka
- Datuk Raja Balang, Kepala 'Waris Hulu Jelebu'
- Datuk Raja Penghulu, Kepala Waris Sarin
- Datuk Maharaja Inda, Kepala Waris Kemin
- Al Fadhil Tuan Kadi Jelebu dan Tuan Kadi Wilayah Durian Tipus
- Datuk-Datuk Penghulu Mukim Daerah Jelebu
- Datuk Shahbandar Pucuk Bulat Waris Di Air, Tumpuan Segala Dagang, Lembaga Suku Mungkal II dan diikuti oleh lapan orang Datuk Kurnia.

Dengan selesainya Istiadat Menghadap ini maka istiadat menghadap tiga tahunan yang telah lama tidak diamalkan telah dihidupkan semula. Istiadat Menghadap Tiga Tahunan Kedua akan diadakan pada tahun 1986.

Semenjak Datuk Haji Musa bin Wahab dijunjungkan kebesaran Mendika Menteri Akhirulzaman pada 4 Februari, 1980 banyak usaha telah dijalankan bagi memperkemas dan memperbaiki lagi perjalanan Adat Perpatih di Luak Jelebu. Di samping kerjasama yang diberikan oleh Datuk-Datuk Lembaga kepada pihak Jabatan Agama dalam urusan nikah kahwin, pihak Adat Perpatih Jelebu telah mengadakan borang-borang seperti:

Borang Pepauh Tunang Lanang Borang Ikrar Orang Semenda.

Dari semasa ke semasa beberapa borang lain akan diadakan bagi memperkemas lagi perjalanan Adat supaya mengikut peredaran masa seperti kata perbilangan

Hukum bersaksi, Adat berketerangan. □